

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Okttober/November 1990

FEL 207 Pengantar Kepada Ubat-Ubatan Tradisional

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Bincangkan perubahan-perubahan yang telah dan sedang berlaku dalam bidang perubatan tradisional di negara-negara barat dan di Malaysia.

(12 markah)

- (B) Bincangkan cara dan kegunaan tapis uji tingkah laku (behavioural screening) dalam menguji kesan farmakologi sesuatu ekstrak tumbuhan.

(13 markah)

2. (A) Terangkan cara melakukan ujian toksikologi akut. Bincangkan keterangan-keterangan yang boleh diekstrapolasikan kepada manusia dari hasil percubaan ke atas haiwan percubaan tersebut.

(12 markah)

- (B) (i) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan "double blind cross over trial".

- (ii) Bincangkan mengapa banyak ubat-ubatan tradisional gagal ujian klinikal (clinical trial).

(13 markah)

3. (A) (i) Bincangkan mengapakah banyak tumbuhan ubat di zaman sekarang didapatkan dengan menanamnya dan tidak lagi bergantung kepada tumbuhan liar.
- (ii) Terangkan cara pengeringan bahagian-bahagian tumbuhan ubat supaya bahan aktifnya tidak rosak dan boleh disimpan lebih lama.

(12 markah)

- (B) Terangkan parameter-parameter yang lazim digunakan bagi menilai dan memiaawaikan ubat-ubatan dari alam semulajadi. Bincangkan masalah dan bagaimana mengatasinya bagi kes ubat-ubatan tradisional tempatan.

(13 markah)

4. (A) Terangkan secara terperinci bagaimana anda dapat mengeluarkan ubat-ubatan tradisional yang selamat dan berkualiti.

(13 markah)

- (B) Terangkan peranan disiplin-disiplin farmakognosi dan farmaseutik dalam memajukan ubat-ubatan tradisional tempatan.

(12 markah)

5. Bincangkan sistem perubatan

- (a) Holistik
- (b) Alopati

dari sudut falsafah, amalan dan materia medika yang digunakan.

(25 markah)

-000oo-